

06/10/2003

Malaysia akan bantah (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia akan mengkaji kemungkinan menghantar nota bantahan kepada Singapura berikutan tindakan republik itu meneruskan kegiatan menambak pantai, walaupun kes itu sudah dirujuk ke tribunal antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Singapura mungkin berpendapat republik itu boleh terus melakukan kerja itu sementara menunggu Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang Laut (ITLOS) di Hamburg, Jerman membuat penghakiman kes berkenaan yang dijadualkan Rabu ini.

Bagaimanapun, secara sinis beliau menegaskan Singapura bukan faham sama ada tindakan itu subjudis atau tidak.

"Dia (Singapura) bukan faham yang itu semua. Pasal kepemimpinan kita (diketuai) doktor, kepemimpinan dia (diketuai) peguam," katanya ditanya kemungkinan tindakan Singapura itu subjudis kerana kes berkenaan masih dalam proses penghakiman.

Ditanya kemungkinan Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi, Dr Mahathir berkata: "Tak tahulah, yang itu terpulang, kita kaji."

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan pusingan kelima Kejuaraan Formula Satu (F1) Powerboat Dunia Grand Prix (GP) Malaysia di tasik Mines Resort City, Seri Kembangan di sini, petang semalam.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas isu yang sama kecewa dengan tindakan Singapura kerana republik berkenaan tidak memahami bahawa kes itu sudah dikemukakan ke tribunal antarabangsa.

Akhbar ini dalam laporan muka depannya Sabtu lalu, menyebut Singapura tidak mempedulikan bantahan Malaysia apabila meneruskan kerja penambakan laut 24 jam sehari di sekitar Tuas, dekat Jurong serta Pulau Tekong dan Ubin di sebelah Changi.

Kerja penambakan di Pulau Tekong Besar dan Kecil serta Pulau Ubin dapat dilihat dengan jelas dari daratan negara ini, terutama dari Tanjung Surat, dekat Kota Tinggi yang jaraknya sekitar 12 hingga 13 kilometer.

Nelayan sekitar Tanjung Surat dapat melihat dengan jelas pergerakan kapal besar yang membawa muatan berjuta-juta tan pasir keluar masuk siang dan malam di kawasan penambakan di Pulau Tekong Besar dan Kecil serta Pulau Ubin.

Selain kerja penambakan, republik berkenaan dikatakan sibuk menjalankan kerja mengorek pasir di sebelah timur dan selatan Pulau Tekong. Difahamkan, kerja itu bagi membekalkan pasir menampung keperluan penambakan di sebelah barat Pulau Tekong dan Ubin.

Kerja penambakan laut di sebelah Tuas, dekat Jurong juga masih berjalan termasuk ada ponton membawa pasir ke kawasan penambakan.

Tindakan Singapura itu dilihat langsung tidak menghormati desakan Malaysia supaya kerja penambakan laut itu dihentikan kerana ia didapati merosakkan alam sekitar, selain menjejaskan perairan negara.

Malaysia memfailkan tuntutan di ITLOS untuk mendapatkan perintah sementara menghentikan kerja penambakan laut di Singapura.

Kes itu didengar tribunal itu selama dua hari berakhir minggu lalu. ITLOS dijadual membuat penghakiman berhubung kes berkenaan pada Rabu ini.